PARLIMEN BUBAR LAGI SEBULAN?

Oleh JAMALUDIN ABU BAKAR

KUALA LUMPUR, Sabtu — Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri dijangka dibubarkan dalam masa empat minggu lagi bagi memboleh diadakan pilihanraya umum April ini.

Sumber-sumber yang rapat dengan Biro Politik UMNO menegaskan, beberapa tarikh pilihanraya umum telah dibincangkan, tapi tarikh positif belum diputuskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Biro Politik UMNO Malaysia dikatakan telah membincangkan secara terperinci sebab-sebab pilihanraya umum perlu diadakan April depan dan bukannya Ogos ini atau April 1983.

Antara faktor yang dibincangkan termasuk ekonomi, soal kepimpinan dan kekuatan pembangkang.

Biro tersebut dipercayai berpendapat lebih baik pilihanraya diadakan April ini, iaitu pada 17 atau 24 April.

Bagaimanapun, Naib Presiden UMNO, Encik Ghafar Baba, enggan mengulas mengenai tarikh pilihanraya umum itu.

Tetapi beliau berkata, "Pilihanraya umum sudah hampir dan perlulah jentera pilihanraya umum digerakkan sekarang."

Polis juga difahamkan telah diarah memilih pusat-pusat mengundi di seluruh negara, manakala Suruhanjaya Pilihanraya sudah pun menyiapkan segala persiapan untuk menghadapi pilihanraya pada bila-bila masa sahaja.

"Segala persiapan pilihanraya umum akan selesai dalam masa dua minggu ini," kata Setiausahanya, Encik Abdul Rashid bin Abdul Rahman.

Suruhanjaya membelanjakan $12 juta untuk menghadapi pilihanraya umum ini dan telah menyiapkan poster, peti undi, filem dokumentari, dan melatih pegawai-pegawai yang terlibat.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia